

Terengganu dilanda banjir gelombang kedua

KUALA TERENGGANU 31 Dis. - Hanya seketika selepas kesemua mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing awal pagi ini selain semua pusat pemindahan banjir ditutup, banjir gelombang kedua kembali melanda negeri ini petang ini.

Kali ini melibatkan sebanyak 600 penduduk daripada 181 keluarga di Hulu Terengganu yang terpaksa di-

tempatkan di lima pusat pemindahan di daerah berkenaan berikutan hujan berterusan dan kadangkala lebat sejak pagi ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, setakat pukul 7 malam ini, kesemua mangsa di daerah itu ditempatkan di lima pusat pemindahan antaranya Masjid Kampung Peneh, Surau PPSK Lubuk Pe-

riuk, Balai Raya Kampung Cheting dan Balai Raya Pelandan.

Katanya, daerah Kemaman pula mencatatkan sebanyak 162 mangsa daripada 50 keluarga yang ditempatkan di dua pusat pemindahan di daerah berkenaan.

"Berbanding lewat petang semalam, keadaan banjir di Terengganu hampir pulih sepenuhnya apabila

hanya tinggal 119 mangsa melibatkan 24 keluarga masih ditempatkan di sebuah pusat pemindahan di daerah ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut jurucakap itu, pihaknya tidak menolak kemungkinan jumlah mangsa banjir kembali meningkat berikutan hujan lebat manakala pusat-pusat penempatan banjir

yang ditutup akan dibuka semula.

Banjir pusingan pertama melanda Terengganu pada 22 Disember lalu menyebabkan 94 penduduk daripada 17 keluarga di tiga buah kampung di daerah Dungun iaitu Kampung Seberang Pintasan, Kampung Tanjung Pagar dan Kampung Bukit Gedut, Pulau Serai terpaksa dipindahkan.